

Redtone saingi syarikat gergasi

Oleh NORLAILI ABD. RAHMAN
bisnes@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Redtone International Bhd. (Redtone) mensasarkan tempoh dua hingga tiga tahun lagi untuk berdiri sebaris dengan syarikat-syarikat telekomunikasi utama di negara ini.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Wei Chuang Beng berkata, kini pelbagai strategi telah diatur bagi meningkatkan keupayaan syarikat untuk bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Redtone katanya, mensasarkan peningkatan langganan data sehingga 50 peratus berbanding 20 peratus ketika ini, suara (15 peratus) dan lain-lain (lima peratus) menjelang tahun 2014.

"Kebanyakan strategi ini bergantung kepada permohonan kami terhadap pengeluaran lesen spektrum 4G evolusi jangka panjang (LTE) yang masih di bawah penilaian Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM).

Bagaimanapun, kami yakin kami tidak mempunyai masalah untuk

menjalankan tanggung jawab yang diberikan sekiranya permohonan tersebut diluluskan kerana Redtone mempunyai pengalaman luas di dalam memberi perkhidmatan kepada pengguna di Sabah dan Sarawak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Jelas Chuan Beng, dengan adanya lesen tersebut, Redtone boleh memberi perkhidmatan 4G kepada pelanggan di Semenanjung sekali gus membantu

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta Industri Kecil dan Se-

derhana (IKS) mendapatkan perkhidmatan jalur lebar.

Tambah beliau lagi, sekiranya Redtone dianugerahkan lesen 4G di semenanjung pada masa akan datang, syarikat tersebut tetap meneruskan komitmennya terhadap pembangunan perkhidmatan jalur lebar di Sarawak dan Sabah.

"Pembinaan Wimax di Sabah dan Sarawak akan tetap diteruskan, pertumbuhannya akan terus dipastikan dan inilah cabaran untuk kami sahut kerana kami tahu, siapa lagi yang mahu memberi perkhidmatan

kepada mereka di luar Semenanjung?," katanya.

Redtone juga katanya, telah menyediakan perbelanjaan modal kira-kira RM30 juta sehingga RM40 juta bagi tahun kewangan semasa yang berakhir 31 Mei 2012.

Dalam usaha berdiri sama tinggi dengan syarikat telekomunikasi lain di Malaysia, Redtone turut mensasarkan pemulihan bagi tahun kewangan semasa selepas merekod kerugian bersih RM11 juta tahun lalu.

"Dengan strategi-strategi yang

telah diatur ditambah dengan operasi di China yang semakin kukuh, kami yakin mampu untuk mencatat keuntungan ataupun sekurang-kurangnya balik modal tahun ini, ia satu kejayaan yang besar kepada Redtone," katanya.

Tambah Chuan Beng, Redtone juga telah melantik beberapa muka baharu di dalam barisan ahli lembaga pengarahnya bagi mengukuhkan lagi prestasi syarikat, antaranya ialah Datuk Wira Syed Ali Syed Abbas Al-Habshee dan Datuk Ismail Osman.